



**UNIVERSITI KUALA LUMPUR
MALAYSIAN INSTITUTE OF INDUSTRIAL TECHNOLOGY**

**FINAL EXAMINATION
JANUARY 2016 SEMESTER**

COURSE CODE : MPW 1133
COURSE TITLE : PENGAJIAN MALAYSIA
PROGRAMME LEVEL : DIPLOMA
DATE : 25 MAY 2016
TIME : 2.30 PM – 5.30 PM
DURATION : 3 HOURS

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please read the instructions given in the question paper CAREFULLY.
 2. This question paper is printed on both sides of the paper.
 3. This question paper consists of TWO (2) sections. Section A and B.
 4. Answer ALL questions in Section A. For Section B, answer TWO (2) questions for essay.
 5. Please write your answers on the OMR Form and answer booklet provided.
-

THERE ARE 16 PAGES OF QUESTIONS EXCLUDING THIS PAGE.

SEKSYEN A (Jumlah : 60 Markah)**ARAHAN : Jawab SEMUA soalan.****Sila Gunakan Borang OMR Yang Disediakan**

1. Berdasarkan buku bertajuk "*Colonial Policy and Practice : A Comparative Study of Burma and Netherlands India*" kajian berkenaan ciri masyarakat majmuk telah dijalankan di
 - A. Burma dan Kepulauan Acheh
 - B. Siam dan Kepulauan Riau
 - C. Burma dan Kepulauan Jawa
 - D. Siam dan Kepulauan Indonesia

2. Kebanyakan orang Cina yang datang ke Tanah Melayu berasal dari selatan Tanah Besar China di kawasan berikut **kecuali**
 - A. Kwantung
 - B. Fuchien
 - C. Canton
 - D. Hailam

3. Berikut merupakan faktor – faktor penghijrahan orang cina ke Tanah Melayu **kecuali**
 - A. Pertumbuhan perusahaan kelapa sawit di Tanah Melayu
 - B. Kesengsaraan hidup di negara China
 - C. Kestabilan politik di Tanah Melayu
 - D. Politik negara China yang tidak stabil

4. Kasta merupakan sebahagian daripada stratifikasi sosial yang merujuk kepada susun lapis masyarakat. Kasta didefinisikan sebagai
 - A. Kedudukan berdasarkan harta dan kekayaan
 - B. Peranan yang dimainkan dalam masyarakat
 - C. Keahlian ditentukan melalui kelahiran dan tidak berlaku mobiliti sosial
 - D. Masyarakat yang ditentukan berdasarkan agama

5. Antara berikut yang manakah merupakan faktor – faktor utama orang India berhijrah ke Tanah Melayu
- I. Mendapat galakkan dari pihak British
 - II. Peluang pekerjaan yang lebih luas
 - III. Kesukaran hidup di India
 - IV. Politik India yang tidak stabil
- A. I dan II
B. I, II dan III
C. II, III dan IV
D. III dan IV
6. Budaya X merujuk kepada peralatan dan kelengkapan yang praktikal dengan menggunakan bahan alam sekitar dengan tujuan memudahkan kehidupan seharian. Budaya X yang dimaksudkan ialah
- A. Budaya kebendaan
B. Budaya bukan kebendaan
C. Budaya diwarisi
D. Pandangan dunia
7. Berikut merupakan faktor – faktor perubahan kebudayaan dalam sesebuah masyarakat **kecuali**
- A. Tempat tinggal
B. Latar belakang sejarah
C. Kepelbagaian budaya
D. Tolak ansur budaya
8. Pilih pernyataan yang benar mengenai definisi budaya
- I. Budaya merupakan cara hidup manusia
 - II. Budaya melibatkan kepercayaan dan perlakuan masyarakat
 - III. Budaya mestilah diwarisi secara turun temurun
 - IV. Budaya mestilah mempunyai kepelbagaian
- A. I dan II
B. II, III dan IV
C. I, II dan III
D. I, II, III dan IV

9. Berikut merupakan ciri – ciri budaya **kecuali**
- Berpola dan Berstruktur
 - Mengalami perubahan
 - Pandangan dunia
 - Sejagat
10. Berikut merupakan faktor – faktor yang mempengaruhi hubungan etnik di Malaysia **kecuali**
- Kerajaan Demokrasi
 - Pertumbuhan ekonomi yang baik
 - Penolakan budaya asing
 - Perkongsian kuasa politik di Malaysia
11. **X** merujuk kepada kelompok manusia yang ditentukan melalui perbezaan ciri – ciri budaya seperti adat resam, pakaian, makanan, dan kegiatan ekonomi. **X** yang dimaksudkan ialah
- Ras
 - Etnik
 - Asimilasi
 - Pluralisme
12. Berikut merupakan proses-proses integrasi **kecuali**
- Amalgamasi
 - Asimilasi
 - Biologikal
 - Pluralisme
13.

<ul style="list-style-type: none">• Kelompok etnik mempunyai hak terhadap warisan masing – masing• Perubahan dalam kebudayaan manusia adalah lazim

- Pernyataan di atas merujuk kepada **Y**. **Y** yang dimaksudkan ialah
- Pluralisme Kebudayaan
 - Asimilasi Budaya
 - Amalgamasi
 - Akulturasi

14. Antara yang berikut, yang manakah merupakan rumus bagi Asimilasi Struktur
- A. $A_i + B + C + A_i + B_i + C_i$
 - B. $A + B + C = D$
 - C. $A + B + C = A$
 - D. $A + B + C = A + B + C$
15. Imperialis Barat pada peringkat awalnya menguasai Tanah Melayu bukanlah untuk menjajah. Hasrat awal Imperialisme Barat adalah
- A. Menguasai perdagangan rempah
 - B. Menguasai perdagangan teh
 - C. Menguasai perdagangan sutera
 - D. Menguasai perdagangan hamba
16. Berikut merupakan faktor-faktor penting yang membawa kepada penubuhan Negeri-Negeri Selat oleh British **kecuali**
- A. Kelemahan sistem residen
 - B. Masalah kewangan di Pahang
 - C. Mengurangkan belanja untuk pentadbiran
 - D. Faktor anarki
17. Sistem residen telah diperkenalkan oleh British pada tahun 1875. Residen pertama yang dilantik oleh British ialah
- A. Martin Lister
 - B. J.W.W Birch
 - C. J.P Rodger
 - D. Frank Swettenham
18. Antara berikut istilah manakah yang merujuk kepada "Dasar / tindakan sesebuah negara MENJAJAH ATAU MENGENAKAN KUASA pemerintahannya ke atas negara-negara lain".
- A. Imperialisme
 - B. Nasionalisme
 - C. Kolonialisme
 - D. Disentralisasi

19. Berikut merupakan faktor – faktor kejayaan Jepun menawan Tanah Melayu **kecuali**
- A. Serangan melalui jalan laut
 - B. Tentera Jepun yang terlatih dan berdisiplin
 - C. Kelewatan bantuan ketenteraan dari Singapura
 - D. Pihak Inggeris yang tidak bersedia
20. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor luaran kepada kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu
- I. Gerakan Pemulihan Islam di Mesir
 - II. Pengaruh Gerakan Turki Muda
 - III. Perang Rusia – Jepun
 - IV. Serangan Jepun Terhadap Pearl Harbour
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
21. Perjuangan dan idea-idea semangat kebangsaan disebarkan menerusi akhbar atau majalah. Majalah yang dikeluarkan oleh Kaum Muda adalah
- A. Warta Malaya
 - B. Majlis
 - C. Al-Ikhwan
 - D. Utusan Melayu
22. Persatuan merupakan satu kaedah yang lebih sistematik dalam memupuk semangat Nasionalisme. Antara berikut, persatuan yang bersifat radikal adalah
- A. Kesatuan Melayu Muda
 - B. Kesatuan Melayu Singapura
 - C. Persaudaraan Sahabat Pena
 - D. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

23. Berikut merupakan faktor – faktor pembentukan Malayan Union oleh Inggeris **kecuali**
- A. Memelihara kepentingan Inggeris di Tanah Melayu
 - B. Membentuk pentadbiran yang sistematik dan seragam
 - C. Menghalang Tanah Melayu mendapat kemerdekaan
 - D. Menjimatkan kos pentadbiran di Tanah Melayu
24. Suruhanjaya Cobbold ditubuhkan untuk mendapatkan reaksi penduduk Sabah dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia. Pemimpin orang Melayu yang menganggotai Suruhanjaya Cobbold ialah
- A. Tun Dr. Ismail Abdul Rahman
 - B. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
 - C. Tun Abdul Razak Bin Hussin
 - D. Tan Sri Mohd Ghazali Shafie
25. Antara berikut, yang manakah merupakan tarikh penubuhan Malaysia
- A. 31 Ogos 1963
 - B. 16 September 1963
 - C. 13 Mei 1969
 - D. 31 Ogos 1957
26. Suruhanjaya **X** ditubuhkan untuk mendapat pandangan rakyat Sabah dan Sarawak berkenaan penubuhan Malaysia. Suruhanjaya **X** yang dimaksudkan ialah
- A. Suruhanjaya Cobbold
 - B. Suruhanjaya Reid
 - C. Suruhanjaya Marshall
 - D. Suruhanjaya David
27. Presiden Sukarno telah melancarkan Dasar Konfrontasi sebagai reaksi kepada cadangan penubuhan Malaysia. Slogan yang digunakan untuk Dasar Konfrontasi ialah
- A. Musnah Malaysia
 - B. Sayang Malaysia
 - C. Hancur Malaysia
 - D. Ganyang Malaysia

28. Berikut merupakan tokoh – tokoh yang mencadangkan dan menyokong pengabungan Malaysia **kecuali**
- Tunku Abdul Rahman
 - David Marshall
 - Ahmad Boestamam
 - Lee Kuan Yew
29. Isu perlembagaan yang menimbulkan konflik antara Malaysia dan Singapura sehingga membawa kepada keluarnya Singapura dari Malaysia adalah
- Isu kuasa pentadbiran
 - Isu kesamarataan
 - Isu kuasa politik utama orang Cina
 - Isu ekonomi dan kewangan.
30. Badan X merujuk kepada badan yang menegakkan undang-undang negara. Badan X yang dimaksudkan ialah
- Badan Kehakiman
 - Badan Perundangan
 - Badan Eksekutif
 - Badan Eksklusif
31. Berikut merupakan perkara yang berkaitan dengan hak asasi **kecuali**
- Seseorang bebas bergerak
 - Seseorang bebas bercakap
 - Seseorang bebas mengamalkan agama
 - Seseorang mempunyai hak sama rata mendapatkan keistimewaan dari kerajaan.
32.

<ul style="list-style-type: none">Ketua Hakim Mahkamah PersekutuanHakim – Hakim Mahkamah Rayuan
--
- Individu yang berkuasa melantik jawatan di atas ialah
- Ketua Menteri atas nasihat Dewan Undangan Negeri
 - Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Raja-Raja
 - Yang di-Pertuan Agong atas nasihat jemaah menteri
 - Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri

33. Berikut merupakan badan-badan yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri **kecuali**
- A. Jabatan Perangkaan
 - B. Lembaga Penapisan Filem
 - C. Jabatan Imigresen Malaysia
 - D. Jabatan Pendaftaran Malaysia
34. **X** merujuk kepada undang-undang kewarganegaraan mengikut keturunan darah dan menekankan kedudukan kewarganegaraan bapa seseorang yang dilahirkan. **X** merujuk kepada
- A. Jus Sanguinis
 - B. Jus Soli
 - C. Perkahwinan
 - D. Naturalisasi
35. MARA, FELDA dan MARDI merupakan badan penting yang membantu kemajuan negara. Badan-badan tersebut tergolong sebagai
- A. Badan-Badan Berkanun
 - B. Badan-Badan Tidak Berkanun
 - C. Badan-Badan Kerajaan
 - D. Badan-Badan Bukan Kerajaan
36. Menurut Perlembagaan Malaysia melalui Perkara 43 (a), individu **X** berkuasa untuk melantik Menteri – Menteri Persekutuan. Individu **X** yang dimaksudkan ialah
- A. Yang Dipertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri
 - B. Yang Dipertuan Agong atas nasihat Majlis Raja – Raja
 - C. Perdana Menteri
 - D. Yang Dipertuan Agong

37. Pilih pernyataan yang benar mengenai tatacara pemecatan Perdana Menteri
- I. Mendapat undi tidak percaya 2/3 ahli kabinet
 - II. Mendapat undi tidak percaya 2/3 ahli Dewan Rakyat
 - III. Menjadi warganegara secara masukan atau pendaftaran
 - IV. Mendapat undi tidak percaya Majlis Tertinggi parti politik yang memerintah
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. III dan IV

38. Berikut merupakan Badan – Badan Berkanun yang terdapat di Malaysia **kecuali**
- A. Majlis Amanah Rakyat (MARA)
 - B. Bank Negara Malaysia
 - C. Lembaga Tabung Haji
 - D. Petronas

39.

Fungsi Kementerian Y

Menguruskan Jabatan Zakat, Wakaf dan Urusan
Haji yang diletakkan di bawah fungsi Hal Ehwal
Agama Islam

Kementerian Y yang berkaitan peranan dan tanggungjawab di atas adalah

- A. Jabatan Perdana Menteri
 - B. Kementerian Dalam Negeri
 - C. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat
 - D. Kementerian Luar Bandar dan Wilayah
40. Ketua pentadbir utama sesebuah kementerian ialah
- A. Ketua Setiausaha
 - B. Menteri
 - C. Setiausaha Bahagian
 - D. Ketua Pengarah Kementerian

41. Pilih pernyataan yang benar mengenai Menteri dan Kementerian berikut
- I. Datuk Seri Idris Jusoh – Kementerian Pendidikan Tinggi
 - II. Datuk Seri Anifah Aman – Kementerian Luar Negeri
 - III. Datuk Seri Mahadzir Khalid – Kementerian Penerangan dan Komunikasi
 - IV. Datuk Seri Shabery Cheek – Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
42.

<ul style="list-style-type: none">• Kementerian Luar Negara• Kementerian Pertahanan• Kementerian Kewangan

- Pilih pernyataan yang benar mengenai kementerian – kementerian di atas
- A. Kementerian beroperasi peringkat Negeri
 - B. Kementerian beroperasi peringkat Persekutuan dan Negeri
 - C. Kementerian beroperasi peringkat Persekutuan
 - D. Kementerian beroperasi peringkat antarabangsa
43. Pilih pernyataan yang benar berkenaan fungsi – fungsi Kerajaan Tempatan
- I. Mengutip cukai perkhidmatan dan menyediakan lesen perniagaan
 - II. Membuat undang – undang kecil
 - III. Memajukan projek yang telah dipersetujui Kerajaan Persekutuan
 - IV. Menjalankan dasar yang ditentukan Kerajaan Persekutuan
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II dan III
 - D. I, II, III dan IV
44. Sesuatu suruhanjaya yang dibentuk untuk memastikan kelancaran jentera pentadbiran negara. Antara berikut, yang berkuasa melantik ahli suruhanjaya ialah
- A. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri
 - B. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Jemaah Menteri
 - C. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis Raja-Raja
 - D. Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Ketua Hakim Negara

45. Antara berikut, kriteria-kriteria yang manakah memenuhi syarat untuk sesebuah kerajaan tempatan dianugerahkan status Dewan Bandaraya atau Majlis Bandaraya

- I. Pusat pentadbiran sesebuah daerah
 - II. Penduduk melebihi 1 juta orang
 - III. Hasil pendapatan tahunan melebihi 20 juta
 - IV. Akan diketuai oleh Yang Dipertua
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. II dan IV
 - D. II, III dan IV

46.

- Diketuai oleh Yang Dipertua
- 8 – 24 Ahli Majlis
- Pusat pentadbiran sebuah daerah
- Penduduk melebihi 100,000 orang
- Hasil pendapatan tahunan > RM 5 Juta

Pernyataan di atas merujuk kepada kriteria Majlis X. Majlis X yang dimaksudkan ialah

- A. Majlis Daerah
- B. Majlis Perbandaran
- C. Majlis Bandaraya
- D. Pejabat Daerah

47. Pilih pernyataan yang benar mengenai tugas – tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

- I. Melantik penjawat awam
 - II. Mengesahkan penjawat awam dalam perjawatan berpencen
 - III. Mengambil tindakan tatatertib terhadap penjawat awam
 - IV. Memberi keistimewaan kepada penjawat awam
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

48. Pilih pernyataan yang benar mengenai individu – individu yang tidak boleh dilantik sebagai ahli suruhanjaya
- I. Ahli politik
 - II. Anggota Perkhidmatan Awam
 - III. Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan
 - IV. Ahli Kesatuan Sekerja
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV
49. Berikut merupakan tugas – tugas utama Laporan Razak 1956 **kecuali**
- A. Menyediakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
 - B. Memperkenalkan KBSR dan KBSM
 - C. Menyediakan satu sistem pengurusan pendidikan yang cekap
 - D. Melahirkan perpaduan antara kaum
50. Prinsip Rukun Negara **X** apabila dipraktikkan akan melahirkan individu yang berdisiplin dan insan murni yang akan membantu membentuk masyarakat. Prinsip **X** ialah
- A. Kesopanan dan Kesusilaan
 - B. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara
 - C. Kedaulatan Undang-Undang
 - D. Keluhuran Perlembagaan
51. Antara berikut, yang manakah merupakan objektif Wawasan 2020
- I. Mempunyai matlamat yang sama untuk berintegrasi di peringkat wilayah dan kaum.
 - II. Menghapuskan sikap negatif dalam tugas yang dipertanggungjawabkan
 - III. Mengamalkan suatu bentuk persefahaman yang matang sehingga menjadi contoh kepada negara membangun
 - IV. Melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. II dan IV
 - D. III dan IV

- 52.
- Menghormati harta awam
 - Mematuhi simbol – simbol kedaulatan negara
 - Mematuhi undang-undang

Pilih pernyataan yang benar berdasarkan penerangan di atas

- A. Keluhuran Perlembagaan
- B. Kesopanan dan Kesusilaan
- C. Kepercayaan Kepada Tuhan
- D. Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

- 53.
- Memastikan keperluan asas individu, keluarga dan masyarakat mencukupi
 - Membangun dan memperkasa insan sepanjang hayat
 - Menjana sinergi multisektor

Pernyataan di atas merujuk kepada Dasar X. Dasar X yang dimaksudkan ialah

- A. Dasar Sosial Negara
- B. Dasar Pendidikan Kebangsaan
- C. Pelan Tindakan Pembangunan Belia Nasional
- D. Dasar Rukun Negara

- 54.
- Membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum
 - Menyusun semula masyarakat

Pernyataan di atas merujuk kepada matlamat Dasar Y. Dasar Y yang dimaksudkan ialah

- A. Dasar Pensyarikatan
- B. Dasar Penswastaan
- C. Dasar Ekonomi Baru
- D. Dasar Perindustrian Negara

55. Pilih pernyataan yang benar mengenai tujuan utama Dasar Pensewastaaan diperkenalkan

- I. Mengurangkan beban kerajaan
 - II. Meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja
 - III. Mengalakkan pertumbuhan ekonomi
 - IV. Mempercepatkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV

56.

<ul style="list-style-type: none">• Kurangkan persaingan dan pertentangan khasnya berkaitan dengan matlamat organisasi, peraturan dan perhubungan.• Wujudkan kerjasama erat dan berkesan demi pembangunan negara

Pernyataan di atas merujuk kepada tujuan utama Dasar X diperkenalkan. Dasar X yang dimaksudkan ialah

- A. Dasar Pertanian Negara
- B. Dasar Pensewastaaan Malaysia
- C. Dasar Model Ekonomi Baru
- D. Dasar Perindustrian Malaysia

57. Pilih pernyataan yang benar mengenai dasar luar yang diamalkan oleh Tun Abdul Razak Hussin

- A. Dasar Berkecuali
- B. Dasar Pro Barat
- C. Dasar Pandang Ke Timur
- D. Dasar Kerjasama Pertahanan dan Keselamatan Negara

58. Berikut merupakan badan – badan luar negara yang dianggotai oleh Malaysia **kecuali**

- A. Persidangan Ekonomi Asia Timur (EAEC)
- B. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- C. Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM)
- D. Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

59. Malaysia menyertai NAM pada tahun 1967. Antara berikut yang manakah merupakan peranan Malaysia dalam NAM
- I. Mewakili anggota majoriti negara membangun untuk bersuara
 - II. Melancarkan Portal e-Sekretariat NAM pada 2004
 - III. Mempunyai kuasa veto dalam NAM
 - IV. Memastikan Malaysia mendapat segala kepentingan dalam NAM
- A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV
60. Pilih pernyataan yang benar mengenai objektif Dasar Luar Malaysia
- I. Menjaga, mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia
 - II. Mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan Malaysia
 - III. Menangani ancaman antarabangsa
 - IV. Menguasai ekonomi dunia
- A. I dan II
B. I, II dan III
C. II, III dan IV
D. I, II, III dan IV

SEKSYEN B (Jumlah : 40 markah)**ARAHAN : Pilih dan jawab mana-mana DUA (2) soalan sahaja.****Sila gunakan buku jawapan yang disediakan.****Soalan 1**

Semangat nasionalisme mula berkembang sekitar tahun 1900 dan lebih bertumpu kepada semangat nasionalisme berasaskan kaum. Huraikan **TIGA (3)** perkembangan semangat nasionalisme masyarakat Melayu yang akhirnya membawa kepada gerakan menuntut kemerdekaan.

(20 markah)

Soalan 2

Perlembagaan mengatasi kuasa Parlimen, kuasa mahkamah dan kuasa Kerajaan. Huraikan **TIGA (3)** peruntukan utama yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia.

(20 markah)

Soalan 3

Wawasan 2020 merupakan tindak balas kepada perkembangan ekonomi, sosial dan politik yang berlaku di peringkat nasional dan antarabangsa. Huraikan **LIMA (5)** objektif dan cabaran yang perlu dilalui untuk merealisasikan Wawasan 2020 yang diperkenalkan oleh Tun Dr. Mahathir pada tahun 1991.

(20 markah)

END OF EXAMINATION PAPER

